

Notis Privasi

Kami, MSIG Insurance (Malaysia) Bhd No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W) ("**MSIG**") adalah teguh dalam komitmen kami untuk melindungi dan menjaga privasi Data Peribadi anda. Notis privasi ("**Notis**") ini menggariskan jenis data peribadi yang kami kumpulkan daripada anda, cara kita memproses data peribadi anda, mengapa kita mengumpul dan memproses dan kepada siapa pendedahan dibuat. Notis ini juga mengandungi maklumat mengenai bagaimana anda boleh mengakses Data Peribadi anda.

Notis ini dikeluarkan mengikut pematuan seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**"). MSIG juga berpandukan oleh Kod Amalan Perlindungan Data Peribadi untuk Insurans dan Industri Takaful di Malaysia ("**Kod**") yang didaftarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi pada 23 Disember 2016.

Untuk tujuan Notis ini, perkataan-perkataan yang berikut hendaklah mempunyai erti yang berikut:

"Data Peribadi"

bermaksud apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu.

"Data Peribadi Sensitif"

hendaklah termasuk kesihatan mental atau fizikal atau keadaan seseorang individu, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya, perbuatan melakukan atau dikatakan perbuatan melakukan apa-apa kesalahan atau data biometrik.

Istilah lain yang ditakrifkan hendaklah mempunyai maksud seperti yang diperuntukkan dalam Kod tersebut.

Apa yang kami kumpul daripada anda?

Data Peribadi anda dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuk borang cadangan, borang permohonan dan apa-apa borang lain yang berkaitan, sama ada direkod dalam bentuk fizikal, borang dalam talian atau melalui latihan pemasaran atau telemarketing, komunikasi kami dengan anda, dan lain-lain.

Data Peribadi yang kami kumpul daripada anda adalah perlu dan wajib dan sekiranya anda gagal memberikan data peribadi anda kepada kami ia mungkin tidak boleh dilakukan oleh MSIG untuk menyediakan anda dengan produk-produk dan/atau perkhidmatan insurans. Jenis Data Peribadi yang mungkin kami mengumpul dan memproses termasuk tetapi tidak terhad kepada:

Data Peribadi Tidak Sensitif

- nama dan umur anda
- alamat rumah/surat-menyurat
- nombor NRIC/nombor pasport
- maklumat hubungan seperti nombor telefon /alamat emel
- gambar atau imej video seseorang individu
- maklumat pekerjaan

- maklumat kewangan
- nombor pendaftaran kenderaan
- data peribadi ahli keluarga atau waris terdekat seterusnya
- data peribadi benefisiari atau penama yang berkaitan dengan pemprosesan tuntutan insurans, penyediaan produk dan perkhidmatan insurans yang berkaitan
- penyuaan pendapat
- apa-apa data peribadi lain yang diperlukan dengan persetujuan anda.

Data Peribadi Sensitif

- cap jari atau profil DNA
- kondisi fizikal dan/atau mental
- kepercayaan agama
- pelakuan atau pengatahan pelakuan apa-apa kesalahan atau pelanggaran mana-mana undang-undang pada bila-bila masa
- apa-apa data peribadi sensitif lain yang diperlukan dengan persetujuan secara nyata anda

Mengapa kami mengumpul Data Peribadi anda?

MSIG mengumpul dan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut ("**Tujuan**") (termasuk tetapi tidak terhad kepada):

1. mengendalikan permohonan untuk membeli polisi insurans dan/ atau permintaan nasihat dan cadangan produk;
2. menyediakan, mengeluarkan dan mengendalikan hal-hal pentadbiran lain yang berkaitan dengan sijil polisi insurans;
3. mengumpulkan premium/ caruman dan mengemukakan bil lain;
4. memproses dan menyelesaikan tuntutan dan membayar faedah lain;
5. penilaian berkala selepas pembelian insurans;
6. penginsurans semula (*re-insurance*);
7. enginsurans bersama (*co-insurance*);
8. mencegah, mengesan, menyiasat dan/ atau mendakwa penipuan insurans sebenar atau disyaki dan aktiviti jenayah lain;
9. menetapkan, melaksanakan, atau mempertahankan tuntutan undang- undang;
10. memenuhi kewajipan undang- undang atau kontrak khusus yang lain;
11. meneroka pasaran insurans baharu, termasuk penyelidikan untuk pembangunan produk dan perkhidmatan;
12. pengurusan dalaman;
13. pendedahan kepada pihak ketiga seperti yang diperuntukkan di bawah Prinsip Pendedahan dalam Kod dan Akta;
14. audit, penilaian risiko, penyelidikan, tinjauan, kajian statistic dan analisis yang berkaitan dengan perniagaan insurans;
15. melaksanakan kewajipan kawal selia atau perundangan;
16. aktiviti aktuari;
17. perkongsian maklumat bagi mengekalkan standard profesional Perantara Insurans di Malaysia dan bagi melindungi pengguna dengan menghalang pelantikan Perantara Insurans yang tidak beretika, atau yang telah melakukan salah laku atau penipuan, atau terlibat dalam amalan tidak beretika dalam industri insurans, seperti yang didaftarkan dengan setiap PERSATUAN INSURANS, termasuk perkongsian maklumat ini antara PERSATUAN seperti yang dipersetujui oleh Majlis Bersama Insurans Takaful (*Joint Insurance Takaful Council*);

18. pengenalpastian, pencegahan, penghalangan dan penyiasatan terhadap sebarang penipuan insurans sebenar atau yang disyaki, atau tuntutan konspirasi terhadap Penanggung Insurans, atau yang boleh menyebabkan ancaman fiskal kepada industri insurans demi perlindungan pengguna;
19. pematuhan terhadap sebarang garis panduan, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya PDP, BNM atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan;
20. bekerjasama dengan Suruhanjaya PDP, BNM atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan untuk menjalankan audit, pemeriksaan atau siasatan yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia yang terpakai;
21. pelaksanaan urus niaga insurans dan penyediaan produk dan/ atau perkhidmatan insurans am atau yang berkaitan dengannya;
22. pengubahsuaian, pembatalan atau pembaharuan produk insurans;
23. pelaksanaan kewajipan termasuk perkhidmatan pelanggan di bawah perjanjian bertulis, pengendalian aduan, pemeliharaan, di mana perjanjian tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada insurans hayat, insurans am, polisi insurans berkumpulan, kontrak agensi, pengaturan broker, dan kontrak pekerjaan;
24. penyiasatan semasa penilaian pengunderaitan (*underwriting*) dan tuntutan, atau pada bila-bila masa sepanjang tempoh polisi insurans yang perlu dan munasabah untuk mengenal pasti sebarang kemungkinan kegagalan pendedahan maklumat penting dalam penipuan insurans atau tuntutan konspirasi;
25. pencegahan, pengesanan, pendakwaan, penyiasatan, pelaporan atau apa-apa tindakan lain yang berkaitan dengan aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, korupsi, penipuan sebenar atau yang disyaki termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan insurans/takaful, pengelakan cukai, pengelakan sekatan ekonomi atau perdagangan, dan aktiviti jenayah secara amnya atau aktiviti haram lain;
26. pematuhan terhadap keperluan sebarang undang-undang, peraturan atau garis panduan, sebarang komitmen kontrak semasa atau akan datang, atau komitmen lain dengan mana-mana badan perundangan, pengawalseliaan, kehakiman, pentadbiran, awam atau badan penguatkuasa undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan atau pihak berkuasa lain yang perlu atau dijangka dipatuhi oleh MSIG;
27. bekerjasama dengan Suruhanjaya PDP, BNM atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan untuk menjalankan audit, pemeriksaan atau siasatan yang dibenarkan di bawah sebarang undang-undang Malaysia yang terpakai atau triti/perjanjian antarabangsa yang memberi kesan kepada MSIG, sama ada secara langsung atau melalui kumpulan syarikat yang mana MSIG merupakan sebahagian daripadanya;
28. memadankan data peribadi yang disimpan yang berkaitan dengan subjek data bagi Tujuan tersebut;
29. pelaksanaan kewajipan di bawah sebarang skim pemindahan perniagaan yang sah;
30. bekerjasama atau membantu dalam penyiasatan yang dijalankan oleh Penanggung Insurans lain atau mana-mana PERSATUAN INSURANS;
31. menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana Perantara Insurans dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga mereka berhubung sebarang dakwaan penipuan, konspirasi, pelanggaran undang-undang, peraturan dan peraturan, kod amalan termasuk Kod tersebut, salah laku atau sebarang tingkah laku atau amalan tidak beretika;
32. perkongsian maklumat dengan mana-mana PERSATUAN INSURANS dan TAKAFUL serta penyediaan sistem perkongsian maklumat;
33. pemprosesan apa-apa kredit, sekuriti, pemeriksaan pengunderaitan (*underwriting*) dan tuntutan insurans yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan insurans MSIG ini;
34. melaksanakan sebarang hak subrogasi oleh MSIG;

35. pemasaran produk insurans am atau perkhidmatan atau produk atau perkhidmatan berkaitan oleh MSIG, ahli gabungan atau rakan kongsinya dengan syarat bahawa pemasaran tersebut dilakukan mengikut Akta dan Kod;
36. pemenuhan keperluan pendedahan yang dikenakan oleh undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia ke atas MSIG, sekutunya atau rakan kongsi; dan/atau
37. operasi harian dan pentadbiran perkhidmatan dan kemudahan berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan insurans yang disediakan untuk anda.

Pendedahan kepada Pihak Ketiga

Dalam penyediaan produk dan/atau perkhidmatan insurans kepada anda, MSIG mungkin akan menyumber luar (*outsource*) beberapa fungsi dan aktiviti pengawal selia yang diluluskan kepada pembekal perkhidmatan seperti pemprosesan data, pusat panggilan, perkhidmatan mel dan penyimpanan data. Pembekal perkhidmatan tersebut akan dikenakan kerahsiaan dan standard data keselamatan yang ketat yang diamalkan oleh MSIG.

Untuk kejelasan, ini adalah golongan orang yang mungkin kami perlu dedahkan Data Peribadi anda dan yang mungkin berada di luar Malaysia:

1. individu atau organisasi di dalam kumpulan syarikat-syarikat MSIG atau kumpulan penginsurans yang lain, atas dasar perlu tahu sahaja;
2. rakan kongsi bankasurans (*bancassurance*), pembekal perkhidmatan penyumberan luar pihak ketiga, pusat panggilan pihak ketiga, perantara insurans termasuk agen, broker insurans bebas atau penasihat kewangan;
3. penanggung penginsurans semula atau retrosisener;
4. biro kredit, agensi pelaporan kredit atau syarikat-syarikat untuk tujuan pemeriksaan kredit dan penilaian serta pemulihan hutang;
5. syarikat penyasatan tuntutan atau ajuster kerugian atau juruukur atau pihak-pihak lain bagi pentadbiran tuntutan insurans;
6. pihak berkuasa yang berkaitan, agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang, mahkamah, tribunal, badan-badan kawal selia dan/atau agensi atau badan-badan berkanun atau mana-mana orang lain yang mana MSIG mempunyai obligasi atau diperlu atau dijangka untuk membuat pendedahan kepada bagi tujuan yang dinyatakan di perenggan 8.6(e), (f) dan (g) Kod;
7. persatuan dan persekutuan industri;
8. doktor, pakar perubatan, hospital, klinik atau institusi penjagaan kesihatan;
9. juruaudit dalaman dan luaran MSIG, perunding, peguam, akauntan, pengurus dana atau penasihat profesional lain yang dilantik untuk menyediakan perkhidmatan atau berkaitan dengan perniagaan MSIG atas dasar yang sulit;
10. bank, syarikat kad kredit atau institusi kewangan lain bagi tujuan pemungutan atau pemulangan atau pembayaran apa-apa wang yang tertunggak atau perlu dibayar;
11. mana-mana orang yang dibenarkan oleh anda atau mana-mana antara berikut yang berkenaan, benefisiari anda yang dinamakan atau penama, wasi yang dilantik, pentadbir atau wakil peribadi yang sah;
12. sistem perkongsian maklumat, bagi tujuan membolehkan pertukaran maklumat antara penginsurans bagi memudahkan pencegahan dan pengesanan penipuan;
13. mana-mana orang yang pendedahan kepadanya adalah perlu bagi tujuan penyasatan ke atas apa-apa tuduhan terhadap pengantara insurans termasuk agen dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang melanggar mana-mana undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, kod amalan termasuk Kod, salah laku atau amalan yang tidak beretika;

14. mana-mana orang yang kepadanya pendedahan itu adalah perlu bagi tujuan penyiasatan di bawah mana-mana undang-undang, prosiding jenayah atau prosiding sivil atau mana-mana menurut perintah mahkamah; dan/atau
15. mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga lain yang dilantik untuk menyediakan pentadbiran, telekomunikasi, pembayaran, pemprosesan data, penyimpanan data atau perkhidmatan lain kepada MSIG dan/atau ahli kumpulan syarikat-syarikat MSIG untuk Tujuan yang dinyatakan di sini, termasuk Perenggan 8.5 dan 8.6 Kod.

Hak Anda

Di bawah Akta tersebut, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, dan memohon pembetulan Data Peribadi anda. Anda boleh berbuat demikian dengan melengkapkan borang akses dan/atau pembetulan dalam talian di www.msig.com.my atau dengan menulis kepada Pegawai Perlindungan Data di alamat yang dinyatakan di bawah.

Anda juga mempunyai hak, melalui notis bertulis kepada MSIG untuk memerlukan MSIG menghentikan pemprosesan Data Peribadi anda atau memproses Data Peribadi anda untuk tujuan tertentu atau mengikut cara yang tertentu supaya pemprosesan itu tidak menyebabkan sebarang kerosakan besar atau distres yang tidak munasabah atau untuk mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda, termasuk Data Peribadi yang berkaitan dengan individu lain yang mungkin dapat dikenal pasti daripada Data Peribadi tersebut. Walau bagaimanapun, jika kewajipan MSIG untuk menyediakan produk dan/atau perkhidmatan insurans itu terjejas, MSIG tidak akan berada dalam kedudukan untuk menghentikan pemprosesan Data Peribadi anda mengikut permintaan anda.

Keselamatan dan Penyimpanan Data Peribadi anda

MSIG memastikan bahawa semua Data Peribadi yang dikumpul hendaklah disimpan dan/atau difailkan dalam cara yang memastikan bahawa Data Peribadi tersebut mengekalkan ketepatan, integriti, masih sulit, dilindungi daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian dan akses, pendedahan, pengubahan, kemusnahan atau manipulasi yang tidak dibenarkan.

Semua Data Peribadi hanya disimpan selama yang diperlukan untuk memenuhi Tujuan atau menurut apa-apa obligasi undang-undang yang dikenakan ke atas MSIG dalam menjalankan penyediaan produk dan/atau perkhidmatan insurans itu atau menurut mana-mana undang-undang yang terpakai yang mungkin berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Bagaimana untuk menghubungi MSIG

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi anda atau ingin mengemas kini Data Peribadi anda atau membetulkan apa-apa Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap, anda boleh berbuat demikian dengan mengisi borang yang boleh diakses di laman web korporat MSIG di www.msig.com.my atau dengan menulis kepada:

Kelvin Hii Chee Yun | Colleen Cheah Seok Ngae | Richard Lee Weng Hoow

Pegawai Perlindungan Data

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Aras 15, Menara Hap Seng 2
Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
No. Tel. 603 2050 8228
No. Faks 603 2026 8086
Emel: dpo@my.msig-asia.com

Perubahan kepada Notis ini

MSIG boleh meminda Notis ini dari semasa ke semasa dan versi terkini akan menggantikan semua versi sebelumnya. Sila semak laman web MSIG dari semasa ke semasa bagi versi terbaru Notis ini. Dengan meneruskan penggunaan produk dan perkhidmatan MSIG selepas perubahan tersebut dibuat, anda akan dianggap telah bersetuju dan menerima perubahan tersebut.